



## مجلس باندراي ملاك برسجاره

### MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BANDARAYA WARISAN DUNIA

#### KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
<p><b>MBMB/SH/2022/153</b></p> <p><b>CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BILIK PEMANDU DAN TEMPAT MENCUCI KENDERAAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH</b></p> <p><b>Tarikh Kelulusan : 6/10/2022</b></p> <p><b>No. Fail Jabatan : MBMB/JK/00589 (P)</b></p>	<p><b>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</b></p> <p>Gred G3</p> <p>Kategori B</p> <p>Pengkhususan B04</p>	<p><b>HARGA</b></p> <p><b>RM20.00</b> * Tidak akan dikembalikan</p> <p><b>TARIKH</b></p> <p><b>7 Oktober 2022 (Jumaat)</b> sehingga <b>17 Oktober 2022 (Isnin)</b></p>	<p><b>TIADA</b></p>	<p><b>TARIKH</b></p> <p><b>17 Oktober 2022 (Isnin)</b> pada jam 12.00 tengahari</p> <p>Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p> <p>-----</p> <p>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka</p>

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM20.00 bermula pada **7 Oktober 2022 (Jumaat)** sehingga **17 Oktober 2022 (Isnin)**

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kawangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

**DATUK BANDAR**

**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

sk : Datuk Bandar  
Setiausaha Bandaraya  
PK  
Ketua Audit Dalam